

KHAMIS

02 08
2018**BH** VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

30 **SENI BUDAYA**
Pameran kebudayaan
berorientasikan Islam32 **KEMBARA**
iVCORE bantu
golongan memerlukan54 **INOVASI**
Drone rakam imej
taburan karang

(FOTO HIASAN)

info

UEC

→ UEC ialah sijil yang diguna pakai oleh Sekolah Menengah Persendirian Cina

→ UEC adalah ujian peperiksaan menengah yang ditadbir oleh Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong)

→ UEC turut mempunyai subjek Bahasa Melayu dan Sejarah tetapi difahamkan kurikulum yang digunakan belum mencapai standard yang ditetapkan kurikulum nasional

→ Sejak 2004, UEC diterima untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia

→ Pelajar cemerlang yang memiliki UEC peringkat tinggi diterima masuk untuk program ijazah Sarjana Muda di universiti terkemuka antarabangsa

Tunjuk perasaan membabitkan mahasiswa dan orang ramai bagi membantah UEC di pusat beli-belah SOGO, baru-baru ini.

JANGAN GADAI MARUAH BAHASA MELAYU

➔ Pengiktirafan sijil UEC bertentangan dengan Akta Pendidikan Negara 1996

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Isu pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) bukan perkara baharu tetapi sudah lama menjadi perdebatan dalam arena pendidikan negara kerana dikeluarkan oleh sekolah persendirian Cina yang sukatan pelajarannya diambil dari Taiwan dan tidak selari dengan silibus yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan (KPM).

Situasi itu menerima reaksi pelbagai daripada masyarakat yang kebanyakan tidak bersetuju untuk mengiktiraf UEC yang jelas bertentangan dengan Akta Pendidikan Negara 1996.

Felo Utama Bersama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo

Kok Seong, berkata pengiktirafan UEC yang menggunakan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar dominan akan menjejaskan sistem pendidikan negara yang mewajibkan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan menggunakan kurikulum nasional dalam peperiksaan.

Katanya, sejak dari dulu lagi kerajaan tidak sepatutnya melayan permintaan pihak tertentu yang mahu supaya UEC diiktiraf untuk kemasukan ke perkhidmatan awam atau universiti awam (UA) kerana sijil peperiksaan itu tidak menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan tidak mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan.

"Pengiktirafan UEC untuk kemasukan ke UA akan menjadikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tiada nilai sekali gus tidak adil kepada pelajar yang selama ini setia mengikut persekolahan menggunakan sistem peperiksaan menyeluruh yang sedia ada.